

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' DR HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[BAGAN SERAI]  
TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk meratifikasikan (ratify) protokol berkaitan kawalan penyeludupan tembakau di bawah Framework Convention On Tobacco Control (FCTC), sebagai langkah strategik bagi mengurangkan bilangan perokok di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

*WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* telah dibangunkan sebagai response kepada globalisasi wabak tembakau. Ia bertujuan untuk menangani beberapa punca wabak itu, termasuk faktor yang kompleks dengan kesan rentas sempadan, seperti liberalisasi perdagangan dan pelaburan asing langsung, pengiklanan tembakau, promosi dan penajaan di luar sempadan negara serta perdagangan haram dalam produk tembakau.

WHO-FCTC menyediakan satu rangka kerja bagi langkah-langkah kawalan tembakau yang akan dilaksanakan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Malaysia telah meraktifikasikan konvensyen tersebut sejak tahun 2005.

Untuk makluman Yang Berhormat, *Protocol to Eliminate Illicit Trade in Tobacco Products* merupakan satu protokol yang lahir daripada Artikel 15 WHO-FCTC. Protokol ini mengandungi 47 Artikel bagi menggariskan kawalan ke atas masalah penyeludupan rokok tidak sah seperti *supply chain control* (kawalan rangkaian bekalan) yang merangkumi perlesenan, *tracking and tracing*, *free zones and international transit* dan penjualan di zon bebas cukai.

Protokol ini telah dikuatkuasakan semenjak 25 September 2018 di mana seramai 48 negara anggota kepada WHO FCTC telah menyertainya. Sehingga kini, penyertaan Malaysia ke dalam protokol ini masih belum diputuskan.

**Yang di-Pertua,**

**Penguatkuasaan rokok tidak sah** adalah di bawah bidang kuasa **Jabatan Kastam Diraja Malaysia**. Kementerian Kesihatan Malaysia selaku urusetia kepada WHO-FCTC telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama agensi peneraju iaitu Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta agensi-agensi berkaitan untuk meratifikasi Protokol ini.

Sekian, terima kasih.